



Permodalan Nasional Berhad  
(38218-X)



Amanah Saham Nasional Berhad  
(47457-V)  
Anak syarikat milik penuh PNB

LT

# LAPORAN TAHUNAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014



[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

## ISI KANDUNGAN

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
-----	-------	------------

### SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

I.	Maklumat Tabung	9
II.	Prestasi Tabung	10
III.	Laporan Pengurus	14
IV.	Penyata Pengurus	18
V.	Penyataan Pemegang Amanah	19
VI.	Laporan Juruaudit	20
VII.	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Untung Atau Rugi	22
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	23
	C. Penyata Aliran Tunai	24
	D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	26

### SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

I.	Maklumat Tabung	40
II.	Prestasi Tabung	41
III.	Laporan Pengurus	45
IV.	Penyata Pengurus	49
V.	Penyataan Pemegang Amanah	50
VI.	Laporan Juruaudit	51
VII	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Untung Atau Rugi	53
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	54
	C. Penyata Kedudukan Kewangan	55
	D. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	57
	E. Penyata Aliran Tunai	59
	F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	61
VIII.	Maklumat Korporat	102



## SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL



Pemegang – pemegang unit Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Sekim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dan ASN dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB dan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### Ulasan Ekonomi dan Pasaran Saham

Bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember 2014, indeks-indeks utama dunia telah mencatatkan prestasi yang bercampur-campur diselubungi kebimbangan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan di beberapa negara maju terutamanya di Eropah dan China. Dalam tempoh tersebut, Indeks Dow Jones Industrial Average (DJIA) mencatat peningkatan sebanyak 7.52% dan Indeks Nikkei 225 pula mencatatkan kenaikan sebanyak 7.12%, manakala Indeks FTSE United Kingdom mencatatkan penurunan sebanyak 2.71%. Di Asia pula, Shanghai SE China dan Hang Seng Hong Kong mencatatkan peningkatan sebanyak 52.87% dan 1.28%, berbanding Indeks KOSPI Korea Selatan yang mencatat penurunan sebanyak 4.76%.

Bagi sepanjang tempoh tinjauan, pasaran saham banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran, namun begitu ekonomi Malaysia yang sihat mampu mengimbangi kesan negatif tersebut terutamanya pada enam bulan pertama 2014 sebelum mengalami kejatuhan pada bulan November 2014. Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2014, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 105.71 mata atau 5.66% untuk ditutup pada 1,761.25 mata pada 31 Disember 2014, berbanding 1,866.96 mata yang dicatatkan pada 31 Disember 2013. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,892.65 mata pada 8 Julai 2014, manakala paras terendah 1,673.94 mata dicatatkan pada 16 Disember 2014. Hampir kesemua penanda aras sektor di dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan penurunan kecuali sektor teknologi, perlombongan dan pembinaan. Sektor teknologi mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak 10.45%, diikuti oleh sektor perlombongan yang mencatatkan kenaikan sebanyak 6.78% dan sektor pembinaan sebanyak 0.43%.

Manakala sektor perladangan pula mencatatkan penurunan sebanyak 11.83%, berbanding pada 31 Disember 2013. Antara saham-saham FBM KLCI yang menunjukkan kenaikan dalam tempoh tinjauan ialah MISC Berhad (+26.67%), IHH Healthcare Berhad (+24.87%), Digi.Com Berhad (+24.40%) dan Telekom Malaysia Berhad (+23.96%).

Bagi tempoh Januari-Jun 2014, pasaran saham berada dalam persekitaran yang mencabar disebabkan pengaliran keluar dana asing disebabkan pengurangan dasar kuantitatif (quantitative easing, QE) serta jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan kebimbangan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Eropah dan China. Walaubagaimanapun ekonomi Malaysia masih mencatatkan perkembangan, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 6.4% bagi tempoh enam bulan pertama yang disokong oleh permintaan dalaman serta eksport (Sumber: Bank Negara Malaysia, BNM).

Manakala bagi tempoh Julai – Disember 2014, FBM KLCI mencatatkan paras tertinggi bagi tahun 2014, iaitu sebanyak 1,892.65 mata pada 8 Julai 2014, berikutan pertumbuhan KDNK yang sihat pada suku kedua iaitu sebanyak 6.5% (suku pertama 2014: 6.2%) (Sumber: BNM). Walaubagaimanapun, pasaran saham mula mengalami penurunan dalam bulan November dan mencatatkan paras terendah iaitu sebanyak 1,673.94 mata pada 16 Disember 2014, berikutan kejatuhan mendadak harga minyak mentah dunia akibat pengeluaran minyak shal dan lebihan bekalan berikutan keengganan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (Organization of the Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak serta permintaan global yang lemah. Tambahan pula ketidakpastian geopolitik di Timur Tengah dan Eropah Timur serta jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat berikutan ekonomi Amerika Syarikat yang semakin kukuh menyebabkan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau dan beralih kepada aset kewangan di Amerika Syarikat.

Harga minyak mentah dunia telah mengalami penurunan sebanyak 48.26% pada tahun 2014 yang mengakibatkan para pelabur bimbang tentang prospek ekonomi negara-negara pengeksport minyak termasuk Malaysia. Penurunan harga minyak mentah telah memberikan tekanan kepada eksport Malaysia serta matawang Ringgit dan telah menyebabkan Ringgit menyusut sebanyak 6.80% untuk ditutup pada paras RM3.50/dolar yang merupakan kadar terendah dalam tempoh lima tahun.



Walaubagaimanapun, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku ketiga 2014 (suku kedua 2014: 6.5%), disokong oleh permintaan sektor swasta dan pertumbuhan eksport (Sumber: BNM). Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan fiskal negara, kerajaan telah menghapuskan subsidi minyak RON95 dan diesel bermula 1 Disember 2014.

Dalam tempoh tinjauan, ekonomi Amerika Syarikat terus mencatatkan pertumbuhan pada suku ketiga, iaitu sebanyak 3.5% (suku kedua 2014: 4.6%), disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan kerajaan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan buat kali pertamanya dalam tempoh 16 suku tahunan. Peluang pekerjaan terus meningkat pada suku ketiga kepada 720,000 (suku kedua 2014: 800,000), manakala pengangguran menurun kepada 5.6% pada Disember 2014, yang merupakan terendah sejak tahun 1999.

Perkembangan ekonomi di Eropah adalah perlahan dengan pertumbuhan sebanyak 0.2% pada suku ketiga 2014 (suku kedua 2014: 0.1%) disebabkan oleh pengangguran yang tinggi serta penggunaan kapasiti yang rendah. Perkembangan geopolitik di Ukraine telah menjejaskan keyakinan pelabur dan perniagaan di rantau berkenaan. Berhadapan dengan situasi ini, Bank Pusat Eropah (European Central Bank, ECB) telah merendahkan kadar faedah sebanyak dua kali pada tahun 2014, daripada 0.5% kepada 0.05% serta mengambil langkah melonggarkan dasar kewangan monetari, namun masih tidak berjaya memulihkan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi China terus menunjukkan kemerosotan, iaitu 7.3% pada suku ketiga 2014, berbanding 7.5% pada suku kedua 2014 dan 7.4% pada suku pertama 2014, disebabkan oleh ketidakpastian di pasaran global, pembaharuan struktur ekonomi yang berterusan serta kelembapan pasaran hartanah. Pasaran hartanah terus menunjukkan kelemahan dengan jumlah jualan dan pembinaan baru yang semakin berkurangan disebabkan syarat kredit yang ketat.

### **Ulasan Pasaran Wang, Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Kadar Faedah**

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee) telah memutuskan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014 untuk kali pertama sejak Mei 2011.

Keputusan adalah berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan kadar inflasi yang dijangka kekal melebihi kadar purata jangka panjangnya disebabkan oleh faktor kos domestik yang lebih tinggi. Pelarasan terhadap tahap dasar monetari yang akomodatif ini juga bertujuan mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia. Bank Negara Malaysia, BNM seterusnya mengekalkan kadar ini untuk baki tempoh tahun 2014, bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara walaupun inflasi diunjurkan meningkat. Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara, kerajaan juga telah menunjukkan komitmen dengan mengumumkan beberapa langkah pelarasan subsidi dan pembaharuan fiskal melalui cukai barangan dan perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST).

Peralihan dasar di dalam beberapa ekonomi utama serta perkembangan geopolitik menyebabkan keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa terus tidak menentu. Implikasi pasaran berubah ini turut memberi kesan kepada pasaran bon Malaysia (Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta). Pergerakan Ringgit dan mata wang serantau lain dengan jangkaan dan pengumuman sebenar pengecilan skala program QE oleh Federal Reserve telah mengakibatkan aliran keluar dana daripada Malaysia.

Pergerakan keluk kadar hasil bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) bagi bon jangka pendek telah meningkat selaras dengan kenaikan OPR pada bulan Julai. Dibalikannya, MGS bon jangka panjang telah mempamirkan prestasi yang memberangsangkan dengan permintaan dan pembelian kukuh sehingga mengakibatkan keluk kadar hasil bagi tempoh panjang (20 sehingga 30 tahun) turun mendatar antara 5 hingga 11 mata asas pada tempoh 1hb Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Sementara itu penanda aras 10 tahun MGS, yang bermula dengan 4.15% pada 2 Januari 2014, ditutup kekal pada 4.15%.

Namun begitu, pasaran sekuriti hutang swasta pula adalah kurang sensitif terhadap pasaran luar berubah-ubah disebabkan oleh pegangan asing yang rendah dan sokongan mantap institusi-institusi domestik.

## Prospek Ekonomi dan Pasaran Saham

Pada keseluruhannya, prospek ekonomi global dijangka akan berada dalam keadaan lebih baik pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Berdasarkan laporan terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) melalui Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook, WEO) Januari 2015, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar yang lebih tinggi bagi tahun 2015, iaitu sebanyak 3.5%, berbanding dengan kadar pertumbuhan 3.3% yang dicatatkan pada 2014. IMF telah merendahkan unjuran tersebut dari kadar 3.8% selepas penilaian semula prospek negara China, Russia, Kesatuan Eropah dan Jepun dan juga aktiviti yang lebih lemah untuk beberapa pengeksport minyak utama memandangkan harga minyak mentah telah menjunam. Unjuran terkini untuk pertumbuhan ekonomi Negara-negara maju 2015 masih lagi baik daripada tahun 2014 seperti di Amerika Syarikat daripada 2.3% (2014) kepada 3.6% (2015), Kesatuan Eropah daripada 0.8% (2014) kepada 1.1% (2015) dan Jepun daripada 0.1% (2014) kepada 0.6% (2015).

Namun demikian, masih terdapat risiko kepada pertumbuhan ekonomi global yang mampu menjejaskan aliran pelaburan serta pasaran permintaan semasa. Risiko ini termasuk harga minyak mentah rendah yang berpanjangan, ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah, kadar pertumbuhan lemah yang berlarutan di Kesatuan Eropah, China dan Russia. Selain itu, risiko ketidaktentuan disebabkan oleh normalisasi kadar faedah global serta penyelarasan polisi di Negara-negara maju juga boleh menyebabkan pengaliran keluar modal yang besar daripada ekonomi negara membangun.

Bagi ekonomi Malaysia, Kerajaan mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang di antara 4.5% sehingga 5.5% bagi tahun 2015, dipacu oleh permintaan dalam negara. Unjuran tersebut telah direndahkan daripada 5.0%-6.0% berikutan persekitaran ekonomi global telah berubah yang mana nilai matawang Amerika Syarikat telah meningkat dan harga minyak mentah telah menjunam. Aktiviti pelaburan dijangka kekal, dengan perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh sektor swasta dan awam mengimbangi penurunan dalam aktiviti pelaburan dalam sektor berkaitan minyak dan gas. Meskipun pertumbuhan eksport dijangka terjejas oleh harga komoditi yang lebih rendah, prestasi eksport perkilangan dijangka bertambah baik.

Kejatuhan harga minyak mentah yang memberi impak secara langsung pada pendapatan negara telah menyebabkan Kerajaan untuk menyemak semula Bajet 2015 yang mempunyai sasaran deficit 3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kini, Kerajaan telah menetapkan sasaran deficit pada 3.2% daripada KNDK dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM5.5 billion untuk 2015 dan menyalurkan peruntukan pada penyediaan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta pembinaan semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir. Perbelanjaan pembangunan yang telah diperuntukkan sebanyak RM48.5 billion tidak berubah dan akan tetap dibelanjakan. Pelaksanaan projek-projek seperti projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Projek Aliran Transit Massa (MRT) dan High Speed Rail Kuala Lumpur-Singapura akan diteruskan dan dijangka akan menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2015.

Kadar inflasi untuk tahun 2015 dianggarkan berada antara 2.50% sehingga 3.50%, setelah mengambil kira harga minyak mentah yang rendah pada harga USD50 setong dan juga GST pada April 2015. Pelaksanaan GST dijangka memberi impak sementara kepada kos barangan dan perkhidmatan dan pertumbuhan dianggar akan kembali normal pada 2016. Kadar inflasi juga dijangka kekal terkawal bagi tahun 2015 jika harga komoditi dan minyak mentah kekal rendah.

Untuk tahun 2015, pasaran saham tempatan pula dijangka akan terus mengalami ketidaktentuan akibat aliran keluar dana asing secara berperingkat di samping naik turun statistik kedudukan ekonomi-ekonomi utama dunia. Walau bagaimanapun, risiko aliran keluar dana asing terhadap pasaran saham dijangkakan terkawal kerana disokong oleh kecairan domestik yang tinggi daripada pelabur institusi seperti syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (Government Linked Investment Companies, GLIC). Antara faktor negatif lain yang menjadi risiko kepada pasaran saham termasuklah harga minyak mentah dunia rendah berpanjangan yang akan memberi kesan negatif kepada tahap keuntungan syarikat-syarikat terutamanya di dalam sektor minyak dan gas, jangkaan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat di pertengahan 2015, dan juga risiko geopolitik yang membabitkan Ukraine dan Russia yang mana boleh membantutkan proses pemulihan ekonomi zon Eropah.

Antara faktor positif untuk menyokong pasaran saham tempatan adalah termasuk usaha kerajaan untuk mengukuhkan keseimbangan makro-ekonomi Malaysia

melalui pemulihan fiskal. Di samping itu juga, perkembangan positif fundamental ekonomi kuasa-kuasa besar dunia terutamanya Amerika Syarikat akan menjadi pemangkin kepada kenaikan pasaran saham tempatan. OPR dijangka akan dikekalkan pada paras yang sama, iaitu 3.25%, sepanjang tahun 2015 sejajar dengan pendirian dasar akomodatif BNM. Jangkaan ini berlatarbelakangkan pertumbuhan ekonomi negara yang sederhana, kadar inflasi yang kekal terkawal dan ketidaktentuan permintaan dari ekonomi-ekonomi utama dunia.

Pasaran bon utama bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Sekuriti Hutang Swasta (Private Debt Securities, PDS) pula dijangka akan meningkat sedikit pada tahun 2015, dengan keluk kadar hasil bon jangka panjang dijangka sedikit mendatar.

## LAPORAN PENGURUS SKIM AMANAH BUMIPUTERA (ASB)

Para pemegang-pemegang unit ASB yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tabun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### I. MAKLUMAT TABUNG

- |                                      | Nama Tabung                  | Kategori | Jenis Tabung |
|--------------------------------------|------------------------------|----------|--------------|
| <b>(a) Kategori dan Jenis Tabung</b> | Skim Amanah Saham Bumiputera | Ekuiti   | Pendapatan   |
- (b) Objektif Pelaburan Tabung**      Objektif pelaburan ASB adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada toleransi risiko yang minima.
- (c) Penanda Aras Tabung**      ASB menggunakan penanda aras Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-Bulan (KLIBOR 3-Bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.
- (d) Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung**      ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.
- (e) Pegangan Unit**      Pada 31 Disember 2014, seramai 8,619,092 individu telah menyertai ASB. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	%	Bilangan Unit Dilangan	%
5,000 ke bawah	6,160,398	71.47	3,303,670,736	2.41
5,001 – 10,000	518,864	6.02	2,855,759,508	2.08
10,001 – 50,000	1,137,325	13.20	24,412,415,978	17.78
50,001 – 500,000	786,207	9.12	94,572,330,621	68.89
500,001 ke atas	16,298	0.19	12,142,633,276	8.84
<b>Jumlah</b>	<b>8,619,092</b>	<b>100.00</b>	<b>137,286,810,119</b>	<b>100.00</b>

## II. PRESTASI TABUNG

### (a) Perumpukan Aset

#### (i) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih Tabung:

Komponen Aset Dalam Portfolio	Bagi Tahun Kewangan Berakhir		
	31.12.2014 (%)	31.12.2013 (%)	31.12.2012 (%)
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>			
Perkhidmatan/Perdagangan	31.07	29.85	30.62
Kewangan	24.12	25.01	25.99
Barangan Pengguna	5.32	6.37	6.69
Hartanah & Pembangunan	5.86	5.76	3.77
Barangan Industri	2.92	2.80	2.59
Perladangan	1.67	1.86	1.90
Lain-lain sektor	1.18	0.77	0.52
<b>JUMLAH</b>	<b>72.14</b>	<b>72.42</b>	<b>72.08</b>
<b>Pelaburan di lain-lain instrumen pasaran modal:</b>			
(i) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	1.20	0.05	0.02
(ii) Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	-	1.20	1.43
(iii) Lain-lain pelaburan dan aset bersih	26.66	26.33	26.47
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

**(ii) Senarai 20 Pelaburan Terbesar Pada Nilai Pasaran Berbanding Dengan Nilai Aset Bersih Tabung pada 31 Disember 2014.**

<b>Bil</b>	<b>Syarikat</b>	<b>% Dari Nilai Aset Bersih Tabung</b>
1	Malayan Banking Berhad	20.75
2	Sime Darby Berhad	13.18
3	Tenaga Nasional Berhad	3.87
4	Axiata Group Berhad	3.31
5	UMW Holdings Berhad	2.96
6	Maxis Berhad	2.68
7	Telekom Malaysia Berhad	1.84
8	I&P Group Sdn Berhad	1.58
9	Digi.Com Berhad	1.29
10	Petronas Chemical Group Berhad	1.22
11	MISC Berhad	1.21
12	Petronas Gas Berhad	1.11
13	CIMB Group Holdings Berhad	1.07
14	MMC Corporation Berhad	0.93
15	Public Bank Berhad	0.93
16	SP Setia Berhad	0.79
17	IOI Corporation Berhad	0.77
18	Fraser & Neave Holdings Berhad	0.77
19	Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.70
20	Malaysia Airports Holdings Berhad	0.68



**(b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun**

Selepas Pengagihan Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir		
	31.12.2014	31.12.2013	31.12.2012
Unit Dalam Edaran (juta)	137,373	127,373	110,298
Kadar Pengagihan (sen seunit)	7.50	7.70	7.75
Bonus <sup>1</sup> (sen seunit)	1.00	1.00	1.15
Jumlah Pengagihan (RM juta)	9,983.99	9,220.05	7,990.10
Bonus (RM)	768.35	675.93	680.73
Tarikh pembayaran	1.1.2015	1.1.2014	1.1.2013
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>2</sup>	0.39	0.39	0.39
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>3</sup>	0.14	0.13	0.11

**Nota:**

1. Bonus adalah pengagihan yang dibayar oleh PNB (jika ada), berdasarkan purata baki minimum bulanan selama 10 tahun bermula Januari 2005 sehingga Disember 2014. Pemberian Bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara oleh pihak PNB.
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah tidak ketara.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP pada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah tidak ketara.

### (c) Purata Pulangan Tabung

(i) Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2014		
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Pengagihan Pendapatan (sen) <sup>1</sup>	7.50	7.65	7.62
Bonus (sen)	1.00	1.05	1.11
KLIBOR 3-bulan	3.86	3.46	3.32

Sumber: Novagni

**Nota:**

- a) 1 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus bagi tahun tersebut
- b) 3 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan dan bonus bagi 2 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 3.
- c) 5 tahun ialah pengagihan pendapatan dan bonus tahun tersebut ditambah dengan pengagihan pendapatan dan bonus bagi 4 tahun sebelumnya dan dibahagikan dengan 5

### (ii) Perbandingan Prestasi Pulangan Tahunan Tabung ASB dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASB berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2014	2013	2012	2011	2010
Pengagihan Pendapatan (%) <sup>1</sup>	7.50	7.70	7.75	7.65	7.50
Bonus (sen) <sup>2</sup>	1.00	1.00	1.15	1.15	1.25
KLIBOR 3-bulan (%) <sup>3</sup>	3.86	3.32	3.21	3.22	2.98

Sumber: Novagni

**Nota:**

1. Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.

2. *Bonus adalah purata pengagihan yang dibayar oleh PNB (jika ada), berdasarkan purata baki minimum bulanan selama 10 tahun bermula Januari 2005 sehingga Disember 2014. Pemberian Bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara oleh pihak PNB.*
3. *Kada KLIBOR 3-bulan adalah berdasarkan kepada faedah penghujung bulan bagi sesuatu tahun kewangan.*

**Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun akan naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.**

### III. LAPORAN PENGURUS

#### (a) Pencapaian Objektif Tabung

ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetatif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

#### (b) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASB adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya sekuriti saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASB. Walau bagaimanapun, ASB boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

#### (c) Strategi Pelaburan Sepanjang Tahun Kewangan

##### i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, strategi pelaburan ASB telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan ASB dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang

mempunyai kekuatan asas fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah, mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang menggalakkan, merupakan teras kepada ekonomi negara dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidakpastian ekonomi global. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor kewangan dan perladangan. Pada masa yang sama, pelaburan saham juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi dan konsisten seperti sektor telekomunikasi, kepenggunaan dan Dana Amanah Pelaburan Hartanah (REIT). Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan ASB mencapai pulangan yang lebih daripada apa yang dicatatkan oleh penanda aras masing-masing.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh tahun kewangan 2014, ASB telah membuat pelaburan yang lebih dalam pasaran wang berbanding sekuriti berpendapatan tetap. Ini bagi membolehkan ASB berada di dalam aliran yang secukupnya bagi memasuki pasaran saham pada masa yang bersesuaian. ASB turut melabur dalam sekuriti pendapatan tetap untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mengurangkan risiko portfolio. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus dana melakukan analisa kredit. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap mementingkan penarafan kredit sekurang-kurangnya taraf 'AA' yang diberikan oleh RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia.

## **(d) Strategi Pelaburan Masa Hadapan**

Bagi tempoh kewangan berikutnya, strategi pelaburan ASB adalah untuk memberi fokus kepada saham-saham di dalam sektor-sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, disamping mengekalkan perumpukan aset yang aktif. Pelaburan ASB dalam ekuiti akan ditumpukan kepada saham-saham syarikat yang mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa. Untuk mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan dan pulangan dividen yang tinggi, pengurusan ASB akan turut memberi fokus kepada saham-saham yang mempunyai prospek dividen yang tinggi, yang diniagakan dibawah harga wajar. Di samping itu, Pengurus ASB akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan.

Pengurus ASB akan terus memberi tumpuan pada sektor-sektor defensif yang kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global dan yang mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang menggalakkan seperti sektor telekomunikasi dan kepenggunaan. Sektor telekomunikasi dijangka akan kekal berdaya saing dengan pengenalan 4G LTE disamping memberi pulangan kadar dividen yang tinggi. Kadar dividen saham-saham dalam sektor kepenggunaan dilihat kembali kompetitif, setelah harga pasaran jatuh berikutan aliran keluar pelabur asing. Selain itu, sektor utiliti juga kelihatan positif dengan penurunan kos bahan api untuk penjanaan elektrik, manakala sektor perladangan dijangka akan positif dengan peningkatan eksport minyak sawit mentah di atas permintaan dan harga yang semakin kukuh. Pengurus ASB juga akan terus mencari peluang untuk menjual beli saham-saham yang dijangkakan dapat memberi keuntungan jangka pendek mengikut keadaan pasaran saham.

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, ASB akan turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung.

Pengurus ASB sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan ASB untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambilkira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

#### **(e) Pengagihan Pendapatan**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM9,983.99 juta (2013:RM9,220.05 juta) untuk pembayaran pengagihan pendapatan, iaitu bersamaan dengan 7.50 sen seunit (2013: 7.70 sen seunit). Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

#### **Bonus**

Pada tahun ini, Permodalan Nasional Berhad telah memperuntukkan sebanyak RM768.35 juta (2013:RM675.93 juta) bersamaan 1.00 sen seunit (2013:1.00 sen seunit).

### **Sumber Pendapatan**

Sumber Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2014	2013	2012
	RM (Juta)		
Dividen kasar	4,787.23	4,416.40	4,831.22
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	4,191.86	3,985.82	2,684.42
Lain-lain Pendapatan	1,767.62	1,519.37	1,109.34
Jumlah Pendapatan	10,746.71	9,921.59	8,624.98

#### **(f) Perubahan Ketara Kedudukan Tabung**

Tiada perubahan ketara sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

#### **(g) Situasi Yang Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit**

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

#### **(h) Komisyen Ringan**

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

## **PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-pemegang Unit  
**SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2014, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 28 Januari 2015.

**TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL  
HAMID**

Pengerusi

**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA  
PIAH BIN CHE OTHMAN**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

## **PENYATAAN PEMEGANG AMANAH**

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

### **SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

#### **Kami juga berpendapat bahawa:**

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan pelucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA.

Yang benar,

**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDDIN BIN SUHAIMI**

Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia

16 Februari 2015



# **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“Unit Amanah”)**

## **Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014 , penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 22 hingga 39.

### *Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan*

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada

penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, preskripsi khusus Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali untuk pengecualian yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam ekuiti serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

### **Lain-lain pekara**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

**Hanafiah Raslan & Mohamad**

AF: 0002

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

**Ahmad Zahirudin**

**bin Abdul Rahim**

No. 2607/12/16(J)

Akauntan Bertauliah

## PENYATA KEWANGAN

### A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Faedah dan lain-lain pendapatan		1,767,622,687	1,519,375,276
Pendapatan dividen		4,787,233,182	4,416,397,685
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		4,191,853,242	3,985,822,574
		<u>10,746,709,111</u>	<u>9,921,595,535</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Yuran pengurus	5	504,053,600	454,745,300
Yuran pemegang amanah	6	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		25,000	25,000
Yuran ejen cukai		3,900	3,935
Perbelanjaan pentadbiran		56,643,404	56,755,663
		<u>561,225,904</u>	<u>512,029,898</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>			
		10,185,483,207	9,409,565,637
<b>CUKAI</b>	7	-	-
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>			
		<u>10,185,483,207</u>	<u>9,409,565,637</u>
<b>Pengagihan pelaburan</b>	8	<u>9,983,987,277</u>	<u>9,220,053,849</u>
<b>Pengagihan kasar dan bersih seunit</b>		<u>7.50 sen</u>	<u>7.70 sen</u>
<b>Tarikh pengagihan</b>		<u>1 Januari 2015</u>	<u>1 Januari 2014</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	<b>31.12.2014 RM</b>	<b>31.12.2013 RM</b>
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>	10,185,483,207	9,409,565,637
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN</b>	<b>10,185,483,207</b>	<b>9,409,565,637</b>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	10,185,483,207	9,409,565,637
Tidak ternyata	-	-
	<b>10,185,483,207</b>	<b>9,409,565,637</b>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**C. PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	2014 RM	2013 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Hasil daripada jualan pelaburan	36,089,948,179	14,936,195,060
Pembelian pelaburan	(42,560,000,599)	(35,416,400,307)
Faedah dan lain-lain pendapatan diterima	1,778,397,373	1,227,963,035
Pendapatan dividen diterima	2,800,192,575	2,254,382,380
Pembayaran yuran pengurus	(504,053,600)	(454,745,300)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(500,000)	(500,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(54,672,233)	(54,504,199)
Cukai dikembalikan	-	409,382,558
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi dan pelaburan	(2,450,688,305)	(17,098,226,773)
<b>ALIRAN DARIPADA TUNAI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Tunai diterima daripada penjadian unit	2,779,946,151	9,584,903,033
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(2,000,000,000)	(500,000,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	779,946,151	9,084,903,033
<b>PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>	(1,670,742,154)	(8,013,323,740)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	29,833,021,318	37,846,345,058
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	28,162,279,164	29,833,021,318

**C. PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014(SAMB.)**

	<b>2014 RM</b>	<b>2013 RM</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	82,140,972	97,596,089
Instrumen pasaran kewangan	2,698,945,191	1,713,368,788
Deposit dengan institusi kewangan	46,860,367,741	46,340,317,900
	<u>49,641,453,904</u>	<u>48,151,282,777</u>
Instrumen pasaran kewangan dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(842,758,747)	(135,163,926)
Deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(20,636,415,993)	(18,183,097,533)
	<u>28,162,279,164</u>	<u>29,833,021,318</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **D. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2014**

### **1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA**

SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 21 Oktober 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 21 Oktober 1989 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23 Suratikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 28 Januari 2015.

### **2. ASAS PENYEDIAAN**

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia, kecuali bagi pengecualian tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti

## **2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan preskripsi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk mengguna pakai MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 139") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7").

Berdasarkan preskripsi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunapakai MFRS 139 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

### **(a) Perubahan dalam polisi perakaunan**

Syarikat dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 adalah tertakluk kepada MFRSs yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

### **(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Berikut merupakan Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standard Board ("MASB") tetapi masih belum dikuatkuasakan dan belum digunapakai oleh Unit Amanah.

### **MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang dikeluarkan oleh IASB pada Julai 2014)**

Pada 24 Julai 2014, International Accounting Standard Boards ("IASB") telah mengeluarkan versi terkini IFRS 9 yang merangkumi tiga fasa projek instrumen kewangan; Classification and measurement, Impairment (Expected credit losses) and Hedge Accounting. Memandangkan Unit Amanah telah menggunapakai awal versi MFRS 9 yang sebelumnya sebelum 31 January 2015, Unit Amanah dibenarkan untuk menggunapakai versi MFRS 9 tersebut sehingga tarikh kuatkuasa mandatori IFRS pada 1 Januari 2018. Unit Amanah akan mengukur kesan



## **2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

penggunaan versi MFRS 9 terkini apabila MASB telah mengumumkan tarikh kuatkuasa kelak.

## **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

### **(a) Instrumen Kewangan**

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang.

Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

### **(b) Pelaburan**

#### **(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga**

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan dimana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

#### **(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga**

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat dimana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Walau bagaimanapun, kaedah ekuiti perakaunan tidak di gunakan kerana Unit Amanah tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasa dan mempengaruhi syarikat-syarikat tersebut disebabkan perkara-perkara berikut:

- (a)** Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia menyatakan bahawa hak untuk mengundi yang mewakili saham-saham yang dipegang oleh Unit Amanah, pada bila-bila masa pemilihan untuk pelantikan mana-mana pengarah didalam syarikat yang dipegang, boleh diputuskan oleh Pengurus Unit Amanah atau Pemegang Amanah dengan syarat pemegang-pemegang unit memberi kuasa melalui resolusi majoriti dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit yang diadakan untuk tujuan ini sahaja, seperti yang diperuntukkan oleh suratikatan.
- (b)** Suratikatan menyatakan bahawa korum bagi mesyuarat perlu dihadiri oleh pemegang-pemegang unit atau wakil-wakil yang didaftarkan dimana pegangan unit mereka yang hadir berjumlah tidak kurang dari satu per-empat daripada unit dalam edaran.

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

Memandangkan jumlah pemegang-pemegang unit Unit Amanah yang terlalu ramai, adalah tidak munasabah untuk memanggil mesyuarat pemegang unit bagi tujuan memberi kuasa kepada Pengurus dan Pemegang amanah menggunakan kuasa untuk mengundi pada mana-mana pemilihan untuk pelantikan pengarah disyarikat-syarikat berkenaan.

Memandangkan Unit Amanah tidak berupaya untuk membuat undian bagi tujuan mendapatkan wakil didalam lembaga pegarah, Unit Amanah dianggap tidak berkeupayaan untuk menggunakan kuasa dan pengaruh yang signifikan keatas syarikat-syarikat berkenaan.

#### **(iii) Instrumen Pasaran Kewangan**

Sijil hutang Islam boleh niaga dinyatakan menurut harga kos diselaraskan untuk kadar faedah efektif, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang kekal. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

#### **(iv) Instrumen Pasaran Kewangan**

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

#### **(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham**

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

#### **(d) Pendapatan Belum Terima**

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

#### **(e) Pelbagai Pemiutang**

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

#### **(f) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan. Untuk pelaburan tidak disebut harga, pendapatan dividen diisytiharkan pada dan bila ianya diterima.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah atau keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

#### **(g) Tunai dan Persamaan Tunai**

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

### **4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING**

#### **(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan**

Penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan diantara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.

#### **4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

##### **(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

##### **Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian**

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

#### **5. YURAN PENGURUS**

Klausa 25(8) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("VOF") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

## **5. YURAN PENGURUS (SAMB.)**

Yuran pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ialah 0.35% (2013: 0.35%) setahun daripada Nilai Tabung Unit Amanah.

## **6. YURAN PEMEGANG AMANAH**

Klausa 25(7) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM500,000 setahun, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 ditetapkan pada RM500,000 (2013: RM500,000) setahun .

## **7. CUKAI**

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 hingga tahun berikutnya.

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan boleh dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Akta Cukai Pendapatan, 1967 telah dipinda bagi memperkenalkan sistem cukai korporat "single-tier" bermula dari tahun taksiran 2008. Menurut sistem cukai korporat "single-tier", pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai.

Bermula dari 1 Januari 2014, semua syarikat perlu membayar dividen mengikut sistem cukai "single-tier".Unit Amanah tidak akan ada tuntutan cukai yang boleh dituntut jika dividen yang diterima melalui sistem cukai "single-tier" kerana dividen tersebut adalah dikecualikan daripada cukai dan maka dengan itu tiada cukai boleh ditolak daripada sumber pembayaran dividen.

## 8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
Peruntukan pengagihan	<u>9,983,987,277</u>	<u>9,220,053,849</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Disember 2014 sebanyak 7.50 sen (2013: 7.70 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berasaskan purata baki minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit sepanjang tempoh 12 bulan sehingga akhir tahun kewangan.

### Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
Faedah dan lain-lain pendapatan	1,767,622,687	1,519,375,276
Pendapatan dividen	4,787,233,182	4,416,397,685
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	<u>3,990,357,312</u>	<u>3,796,310,786</u>
	10,545,213,181	9,732,083,747
Tolak: Perbelanjaan	<u>(561,225,904)</u>	<u>(512,029,898)</u>
Jumlah pengagihan	<u>9,983,987,277</u>	<u>9,220,053,849</u>
 Pengagihan kasar dan bersih seunit	 <u>7.50 sen</u>	 <u>7.70 sen</u>

## 9. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.12.2014		31.12.2013	
	Units	RM	Units	RM
<b>Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:</b>				
Pada awal tahun	127,373,000,000	127,373,000,000	110,298,000,000	110,298,000,000
Penjadian unit untuk :				
Jualan	2,104,020,153	2,104,020,153	8,950,000,000	8,950,000,000
Pelaburan semula				
pengagihan	9,220,053,849	9,220,053,849	7,944,268,672	7,944,268,672
Pelaburan semula bonus	675,925,998	675,925,998	680,731,328	680,731,328
	<u>12,000,000,000</u>	<u>12,000,000,000</u>	<u>17,575,000,000</u>	<u>17,575,000,000</u>
Pembatalan unit	(2,000,000,000)	(2,000,000,000)	(500,000,000)	(500,000,000)
Pada akhir tahun	<u>137,373,000,000</u>	<u>137,373,000,000</u>	<u>127,373,000,000</u>	<u>127,373,000,000</u>

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2014, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2014, PNB secara sah memegang 86,189,881 (2013: 108,029,326) unit, merangkumi 0.06% (2013: 0.08%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

## 10. PENDAPATAN BELUM DIAGIHKAN

	31.12.2014	31.12.2013
	RM	RM
Pada 1 Januari	3,618,336,162	3,428,824,374
Pendapatan bersih selepas cukai	10,185,483,207	9,409,565,637
Tolak: Pengagihan tahun semasa	<u>(9,983,987,277)</u>	<u>(9,220,053,849)</u>
Pada 31 Disember	<u>3,819,832,092</u>	<u>3,618,336,162</u>



**11. URUSNIAGA DENGAN PNB**

	<b>31.12.2014</b>	<b>31.12.2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pembelian pelaburan	4,889,406,304	4,262,218,927
Penjualan pelaburan	5,356,590,000	3,433,140,441

**12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN**

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

<b>Syarikat Broker</b>	<b>Nilai Urus Niaga</b>		<b>Yuran Broker</b>	
	<b>RM'000</b>	<b>%</b>	<b>RM'000</b>	<b>%</b>
Maybank Investment Bank Berhad **	6,083,747	18.85	9,140	26.05
MIDF Amanah Investment Bank Berhad**	2,675,760	8.29	4,166	11.88
CIMB Bank Berhad **	2,310,890	7.16	-	-
Public Bank Berhad *	2,309,947	7.16	-	-
AmInvestment Bank Berhad**	1,434,432	4.44	1,989	5.67
CIMB Investment Bank Berhad **	1,313,525	4.07	2,679	7.64
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn Berhad	1,211,925	3.75	1,318	3.76
RHB Bank Berhad**	1,211,000	3.75	-	-
Hong Leong Bank Berhad *	1,191,947	3.69	-	-
RHB Investment Bank Berhad **	1,176,889	3.65	1,910	5.45
Lain-lain	11,358,461	35.19	13,870	39.55
	<b>32,278,523</b>	<b>100.00</b>	<b>35,072</b>	<b>100.00</b>

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

\* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.

## 12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

\*\* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

## 13. PUSING GANTI PORTFOLIO

	31.12.2014	31.12.2013
	RM	RM
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.14 kali	0.13 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## 14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	31.12.2014	31.12.2013
	RM	RM
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.39%	0.39%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## **15. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

### **Risiko Ekuiti/Pelaburan**

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilabur

### **Risiko Pasaran**

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

### **Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana**

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi.

### **Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana (samb.)**

Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya

### **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

### **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusniaga untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

## **16. LAPORAN BERSEGMEN**

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

Kesemua pelaburan Unit Amanah adalah di dalam Malaysia.

## **17. MATA WANG**

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

## LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Pemegang – pemegang unit Sekim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### I. MAKLUMAT TABUNG

**(a) Kategori dan Jenis Tabung**

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Sekim Amanah Saham Nasional	Ekuiti	Pertumbuhan

**(b) Objektif Pelaburan Tabung**

Objektif ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.

**(c) Penanda Aras Tabung**

ASN menggunakan penanda aras cipta suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-Bulan (KLIBOR 3-Bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	(%)
FBM 100	80
KLIBOR 3-bulan	20

*Sumber: Novagni*

**(d) Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung**

ASN akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

**(e) Pegangan Unit**

Pada 31 Disember 2014, seramai 1,255,247 individu telah menyertai ASN. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	%	Bilangan Unit Dilanggan	%
5,000 ke bawah	1,229,538	97.95	235,432,205	14.12
5,001 – 10,000	7,908	0.63	54,911,554	3.29
10,001 – 50,000	11,565	0.92	249,595,981	14.98
50,001 – 500,000	5,997	0.48	875,671,026	52.54
500,001 ke atas	239	0.02	251,172,949	15.07
Jumlah	1,255,247	100.00	1,666,783,715	100.00

## II. PRESTASI TABUNG

### (a) Perumpukan Aset

(i) Perumpukan Aset Bagi ASN adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	Bagi Tahun Kewangan Berakhir		
	31.12.2014 (%)	31.12.2013 (%)	31.12.2012 (%)
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>	84.18	87.66	80.29
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	4.14	2.91	0.96
(ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum	4.14	3.96	4.48
(iii) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	7.54	5.47	14.27
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

**(ii) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Berdasarkan Nilai Pasaran seperti berikut:**

Sektor	Bagi Tahun Kewangan Berakhir (RM'000)		
	31.12.2014	31.12.2013	31.12.2012
<b>Pelaburan Disebutharga:</b>			
Barangan Pengguna	39,044	35,314	21,400
Pembinaan	58,630	64,627	38,592
Barangan Industri	51,594	68,666	100,516
Hartanah	37,707	10,867	16,783
Perladangan	83,754	77,243	90,809
Perkhidmatan/ Perdagangan	392,762	457,268	389,298
Kewangan	336,783	426,469	284,938
Infrastruktur	67,978	50,344	37,689
REITs	15,665	10,530	17,908
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti</b>	<b>1,083,917</b>	<b>1,201,328</b>	<b>997,933</b>
<b>Pelaburan di lain-lain instrumen pasaran modal:</b>			
(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	53,241	39,805	11,951
(ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum	53,239	54,320	55,655
(iii) Lain-Lain Pelaburan dan Aset Bersih	97,100	74,998	177,370
<b>JUMLAH</b>	<b>1,287,497</b>	<b>1,370,451</b>	<b>1,242,909</b>

**(b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun:**

Sebelum Pengagihan Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2014	2013	2012
NAB (RM'000)	1,395,070	1,470,722	1,335,084
NAB Seunit (RM)	0.8365	0.9460	0.9125
Selepas Pengagihan Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2014	2013	2012
NAB (RM'000)	1,287,497	1,370,451	1,242,909
NAB Seunit (RM)	0.7720	0.8815	0.8495
NAB Seunit Terendah (RM)	0.7981	0.8225	0.8127
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.8977	0.9391	0.9046
Unit Dalam Edaran ('000)	1,667,800	1,554,600	1,463,100
Kadar Pengagihan (sen seunit)	6.45	6.45	6.30
Tarikh pembayaran	1 Jan 2015	1 Jan 2014	1 Jan 2013
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>1</sup>	1.50	1.51	1.49
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>2</sup>	0.59	0.67	0.48
<b>Pulangan:</b>			
• <b>Modal (%)</b> <sup>3</sup>	-12.43	3.77	3.72
• <b>Pendapatan (%) (Yield)</b> <sup>4</sup>	8.35	7.32	7.42
Jumlah Pulangan (%) <sup>5</sup>	-5.11	11.36	11.42

**Nota:**

1. *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan(NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPP daripada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah tidak ketara.*
2. *Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB*



ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan NPGP daripada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 adalah ketara disebabkan pengurangan jumlah transaksi pelaburan.

3. Pulangan Pendapatan (Yield) :

$$\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$$

4. Pulangan Modal :

$$\left[ \left\{ \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun}} \right\} - 1 \right] \times 100$$

5. Jumlah Pulangan :

$$\left\{ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) \right\} - 1 \times 100$$

### (c) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASN adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2014		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (sen) <sup>1</sup>	-5.11	5.59	8.05
Penanda Aras (%)	-4.26	4.42	6.54

#### Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$\left[ [(1 + r_1) (1 + r_2) \dots (1 + r_n)]^{1/n} - 1 \right] \times 100$$

r = pulangan tahunan

n = bilangan tahun

### III. LAPORAN PENGURUS

#### (a) Pencapaian Objektif Tabung

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, prestasi ASN adalah selaras dengan objektif tabung dimana ASN telah berupaya menjana pulangan pendapatan dan jumlah pulangan yang selaras dengan penanda arasnya.


#### (b) Perbandingan Prestasi Pulangan Tahunan Tabung ASN dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASN berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2014	2013	2012	2011	2010
<b>Jumlah Pulangan (%)</b>	-5.11	11.36	11.42	5.33	18.73
<b>Penanda Aras (%)</b>	-4.26	9.77	8.34	2.35	17.79

Sumber: Novagni

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar dan harga unit, mungkin turun akan naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.



Sumber: Novagni

#### (c) Analisis Nilai Aset Bersih Tabung

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, ASN telah mencatatkan jumlah NAB yang lebih rendah iaitu penurunan sebanyak 6.05% kepada RM1.288 bilion berbanding RM1.370 bilion seperti yang dicatatkan pada penghujung Disember 2013. NAB seunit juga turun 12.43% kepada RM0.7720 daripada RM0.8815.

#### **(d) Polisi Pelaburan**

Polisi pelaburan ASN adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya sekuriti, saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrument berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASN. Walau bagaimanapun, ASN boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

#### **(e) Strategi Pelaburan Sepanjang Tahun Kewangan**

##### **i. Ekuiti**

Bagi tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember, 2014, pengurus tabung ASN telah melaksanakan perumpukan aset yang strategik di antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap dengan tumpuan pelaburan yang lebih diberikan kepada ekuiti selaras dengan objektif tabung. Pelaburan di dalam ekuiti berada dalam lingkungan 79% sehingga 84% bergantung kepada perkembangan ekonomi serta keadaan semasa pasaran saham tempatan. Pengurus ASN sentiasa memastikan bahawa aset-aset dilaburkan di dalam portfolio yang dipelbagaikan dengan tujuan untuk mengurangkan risiko portfolio pelaburan disamping menjana pulangan yang kompetitif kepada tabung.

Pelaburan ASN dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah, yang mendapat sokongan dan insentif daripada Kerajaan serta diniagakan dibawah harga wajar.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor kewangan, utiliti dan telekomunikasi yang dilihat berpotensi menjana pulangan modal serta dividen yang menarik dan konsisten. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada sektor-sektor yang mempunyai asas yang kukuh serta di sokong oleh permintaan domestik yang tinggi dan tidak dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Antara syarikat-syarikat yang telah dilabur oleh pihak pengurusan termasuk Maybank Banking Berhad, Petronas Gas Berhad, Digi.Com Berhad, dan Tenaga Nasional Berhad. Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham berkenaan membolehkan Tabung ASN mencapai objektif tabung.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh kewangan, pengurus ASN telah berjaya menambah pelaburan di dalam bon korporat yang berkualiti disamping mengekalkan aliran tunai yang mencukupi bagi operasi harian. Selain daripada pendapatan tetap daripada pelaburan bon, peruntukan aset pelaburan bon juga telah menyumbang kepada kestabilan modal dan mengurangkan risiko portfolio ASN secara keseluruhan. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap mementingkan penarafan kredit sekurang-kurangnya taraf 'A' yang diberikan oleh RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) atau setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan di Malaysia.

### **(f) Strategi Pelaburan Masa Hadapan**

Bagi tempoh dua belas bulan berikutnya, strategi pelaburan untuk ASN akan memberi fokus terhadap pemilihan saham-saham di dalam sektor-sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang menarik. Pelaburan Tabung ASN dalam ekuiti ditumpukan kepada saham-saham syarikat yang mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa.

Untuk pilihan saham-saham, pengurusan pelaburan ASN akan meningkatkan pelaburan di dalam saham-saham yang dijangkakan akan memberi pulangan dividen yang lebih menarik dan konsisten, mempunyai fundamental yang kukuh, prospek perniagaan yang baik serta diniagakan di bawah harga wajar. Disamping itu, pengurusan ASN akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan.

Untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, pengurus Tabung akan terus melabur di dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan dalam deposit pasaran wang jangka pendek akan dikekalkan bagi tujuan mudah tunai di samping pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dengan pemilihan instrumen - instrumen yang bermutu dan berisiko rendah seperti sekuriti hutang swasta Islam jangka pendek dan sederhana dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASN.

Pengurus ASN sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala, serta perumpukan aset antara ekuiti dan tunai bagi mengikut keperluan semasa untuk mengekalkan keupayaan ASN untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada

pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambilkira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

#### (g) Pengagihan Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, ASN telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 6.45 sen seunit.

Sumber Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2014	2013	2012
	(RM juta)		
Dividen kasar	39.15	36.60	34.95
Keuntungan bersih ternyata daripada	90.87	82.56	66.38
Lain-lain Pendapatan	10.59	11.65	13.52
Jumlah Pendapatan	140.61	130.81	114.85

NAB seunit sebelum pengagihan pendapatan ialah RM0.8365 berbanding RM0.7720 selepas pengagihan.

#### (h) Perubahan Ketara Kedudukan Tabung

Tiada perubahan ketara sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

#### (i) Situasi Yang Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASN tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

#### (j) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan ASN tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

## **PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-pemegang Unit  
**SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2014, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 28 Januari 2015.

**TUN AHMAD SARJI  
BIN ABDUL HAMID**

Pengerusi

**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH  
BIN CHE OTHMAN**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
28 Januari 2015

## **PENYATAAN PEMEGANG AMANAH**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit  
**SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL**

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**Kami juga berpendapat bahawa:**

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan ; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL .

Yang benar,  
**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDDIN BIN SUHAIMI**  
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia  
16 Februari 2015

## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (“Unit Amanah”)**

### **Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL, yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014, Penyata Untung atau Rugi, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 53 hingga 97.

### *Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan*

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan Unit Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-  
PEMEGANG UNIT  
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (“Unit Amanah”)  
(SAMB.)**

**Laporan penyata kewangan (Samb.)**

Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih boleh agih kepada pemegang-pemegang unit serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

**Lain-lain perkara**

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

**Hanafiah Raslan & Mohamad**

AF: 0002

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

**Ahmad Zahirudin**

**bin Abdul Rahim**

No. 2607/12/16(J)

Akauntan Bertauliah

## PENYATA KEWANGAN

### A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Faedah dan lain-lain pendapatan		10,588,868	11,650,565
Pendapatan dividen (Kerugian)/Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)		(17,678,407)	8,868,297
		<u>32,060,892</u>	<u>57,118,030</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Yuran pengurus	4	14,568,100	13,569,600
Yuran pemegang amanah	5	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		37,500	35,000
Yuran ejen cukai		3,370	3,395
Perbelanjaan pentadbiran		6,761,077	6,423,130
		<u>21,870,047</u>	<u>20,531,125</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>			
		10,190,845	36,586,905
<b>CUKAI</b>	6	-	-
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>			
		<u>10,190,845</u>	<u>36,586,905</u>
<b>Pengagihan pelaburan</b>	7	<u>107,573,100</u>	<u>100,271,700</u>
<b>Pengagihan kasar dan bersih seunit</b>		<u>6.45 sen</u>	<u>6.45 sen</u>
<b>Tarikh pengagihan</b>		<u>1 Januari 2015</u>	<u>1 Januari 2014</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		36,349,023	33,418,518
Tidak ternyata		(26,158,178)	3,168,387
		<u>10,190,845</u>	<u>36,586,905</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014**

	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>	<b>10,190,845</b>	<b>36,586,905</b>
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya (Kerugian)/keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	<u>(83,980,702)</u>	<u>112,661,073</u>
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN SEMASA</b>	<b><u>(73,789,857)</u></b>	<b><u>149,247,978</u></b>
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut :		
Ternyata	118,734,896	110,281,925
Tidak ternyata	<u>(192,524,753)</u>	<u>38,966,053</u>
	<u>(73,789,857)</u>	<u>149,247,978</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**C. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2014**

	Nota	31.12.2014 RM	31.12.2013 RM
<b>ASET</b>			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	8	1,030,506,798	1,116,087,183
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	9	159,890,103	179,366,270
Instrumen pasaran keuangan	10	-	2,499,550
Deposit dengan institusi keuangan	11	174,390,215	156,555,360
Tuntutan cukai		16,337,611	16,316,495
Pendapatan belum diterima	12	4,950,435	4,437,239
Jumlah terhutang daripada broker saham		9,245,316	-
Tunai di bank		1,212,239	670,990
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,396,532,717</b>	<b>1,475,933,087</b>
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan pengagihan	7	107,573,100	100,271,700
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	3,805,000
Pelbagai pemiutang		1,462,500	1,405,823
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>109,035,600</b>	<b>105,482,523</b>
<b>NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH</b>		<b>1,287,497,117</b>	<b>1,370,450,564</b>

**C. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**

	<b>Nota</b>	<b>31.12.2014 RM</b>	<b>31.12.2013 RM</b>
<b>EKUITI</b>			
Modal pemegang unit	13	1,235,375,043	1,141,278,156
Rizab-rizab lain		52,122,074	229,172,408
		<hr/>	
<b>JUMLAH EKUITI/NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT</b>		<b>1,287,497,117</b>	<b>1,370,450,564</b>
		<hr/>	
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>	13	<b>1,667,800,000</b>	<b>1,554,600,000</b>
		<hr/>	
<b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT</b>		<b>0.7720</b>	<b>0.8815</b>
		<hr/>	

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**D. PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014**

	Modal Pemegang	Rizab-rizab Lain		Jumlah
	Unit RM	Ternyata RM	Tak Ternyata RM	Ekuiti RM
<b>Pada 1 Januari 2013</b>	1,065,037,270	52,677,002	125,194,295	1,242,908,567
Penjadian unit untuk jualan	40,767,736	-	-	40,767,736
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2012)	88,674,760	-	-	88,674,760
Pembatalan unit	(58,723,261)	-	-	(58,723,261)
Pengimbangan pengagihan bagi tahun semasa	7,846,484	-	-	7,846,484
Pindahan pengimbangan pengagihan	(2,324,833)	2,324,833	-	-
Pengagihan pendapatan	-	(100,271,700)	-	(100,271,700)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	33,418,518	115,829,460	149,247,978
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	76,863,407	(76,863,407)	-
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>1,141,278,156</b>	<b>65,012,060</b>	<b>164,160,348</b>	<b>1,370,450,564</b>

**D. PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**

	Modal Pemegang	Rizab-rizab Lain		Jumlah
	Unit RM	Ternyata RM	Tak Ternyata RM	Ekuiti RM
<b>Pada 1 Januari 2014</b>	1,141,278,156	65,012,060	164,160,348	1,370,450,564
Penjadian unit untuk jualan	48,052,221	-	-	48,052,221
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan				
(31 Disember 2013)	95,389,242	-	-	95,389,242
Pembatalan unit	(49,344,576)	-	-	(49,344,576)
Pengimbangan pengagihan bagi tahun semasa	4,312,623	-	-	4,312,623
Pindahan pengimbangan pengagihan	(4,312,623)	4,312,623	-	-
Pengagihan pendapatan	- (107,573,100)		(107,573,100)	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	36,349,023	(110,138,880)	(73,789,857)
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	82,385,873	(82,385,873)	-
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>1,235,375,043</b>	<b>80,486,479</b>	<b>(28,364,405)</b>	<b>1,287,497,117</b>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**E. PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014**

	<b>31.12.2014</b>	<b>31.12.2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Perolehan daripada jualan pelaburan	859,153,192	884,428,023
Pembelian pelaburan	(895,634,943)	(981,510,272)
Faedah diterima	10,851,053	10,470,295
Dividen bersih diterima	38,014,917	33,643,858
Yuran pengurusan dibayar	(14,568,100)	(13,569,600)
Yuran pemegang amanah dibayar	(500,000)	(500,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(6,745,270)	(6,578,519)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	(9,429,151)	(73,616,215)
<b>ALIRAN DARIPADA TUNAI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Perolehan daripada penjadian unit	152,665,460	137,400,860
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(54,255,950)	(58,835,140)
Pengagihan kepada pemegang unit	(100,271,700)	(92,175,300)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(1,862,190)	(13,609,580)
<b>PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>		
	(11,291,341)	(87,225,795)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>		
	156,188,867	243,414,662
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>		
	144,897,526	156,188,867



**E. PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014 (SAMB.)**

	<b>31.12.2014</b>	<b>31.12.2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	1,212,239	670,990
Instrumen pasaran kewangan (Nota 10)	-	2,479,377
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 11)	174,390,215	156,555,360
Deposit dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(30,704,928)	(3,516,860)
Tunai dan persamaan tunai	144,897,526	156,188,867

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **F. NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN- 31 DISEMBER 2014**

### **1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN- KEGIATAN UTAMA**

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 14 April 1981, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 20 April 1981 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23(1) Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 18 November 1991.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 28 Januari 2015.

### **2. ASAS PENYEDIAAN**

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, telah disediakan selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS") dan International Financial Reporting Standards ("IFRS").

## **2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

### **(a) Menggunakan awal MFRS 9 Financial Instruments: Classification and Measurement ("MFRS 9")**

Unit Amanah telah menggunakan MFRS 9 Financial Instruments (MFRS 9) (diterbitkan pada November 2009 dan disemak pada Oktober 2010) dan penyemakan yang berkenaan sebelum tarikh berkuatkuasa. Tarikh penggunaan permulaan (tarikh Unit Amanah menilai aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ada) ialah 1 Januari 2011.

#### **Aset kewangan**

MFRS 9 memperkenalkan keperluan baru dalam pengelasan dan pengukuran aset kewangan dalam skop MFRS 139 Financial Instruments: Recognition and Measurement. MFRS 9, terutamanya memerlukan semua aset kewangan dikelaskan dan seterusnya diukur sama ada secara kos lunasan atau nilai saksama bergantung kepada model perniagaan sesuatu entiti dalam menguruskan aset kewangan dan aset kewangan yang mempunyai ciri-ciri aliran tunai secara kontraktual.

Seperti yang diperlukan oleh MFRS 9, instrumen hutang diukur secara kos lunasan hanya jika (i) aset tersebut dipegang dalam model perniagaan dimana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual dan (ii) terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu. Jika salah satu daripada dua kriteria tidak dipenuhi, instrumen hutang dikelaskan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL").

Walaupun, Unit Amanah boleh memilih pada permulaan untuk menyatakan instrumen kewangan yang memenuhi ciri-ciri kos lunasan sebagai FVTPL sekiranya ia menghindari atau mengurangkan ketidakpadanan perakaunan.

Instrumen ekuiti dikelaskan sama ada FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI"), bergantung kepada objektif pelaburan.

## **2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

### **Liabiliti kewangan**

MFRS 9 juga mempunyai keperluan untuk mengklasifikasi dan mengukur liabiliti kewangan. Suatu perubahan besar dalam mengambil kira dan mengukur liabiliti kewangan adalah berkenaan perubahan pada nilai saksama liabiliti kewangan (ditanda sebagai FVTPL) berikutan perubahan risiko kredit liabiliti itu sendiri yang mana diambil kira dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

#### **(b) Perubahan dalam polisi perakaunan**

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

#### **(c) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah selain daripada yang berikut:

#### **Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018**

MFRS 9 Financial Instruments (IFRS 9 seperti yang dikeluarkan oleh IASB pada Julai 2014)

Unit Amanah merancang untuk menggunakan pindaan di atas apabila ianya menjadi efektif pada tempoh kewangan tertentu. Pindaan ini dijangka tidak memberi kesan yang ketara kepada penyata kewangan Unit Amanah bagi yang pertama kali menggunakan kecuali seperti yang dinyatakan dibawah:

#### **MFRS 9 Instrumen Kewangan**

Pada 24 Julai 2014, International Accounting Standard Boards ("IASB") telah mengeluarkan versi terkini IFRS 9 yang merangkumi tiga fasa projek instrumen kewangan; Classification and measurement, Impairment (Expected credit losses) and Hedge Accounting. Seterusnya, MASB telah mengeluarkan pengumuman pada 17 November 2014 untuk menggunakan sepenuhnya keperluan baru IFRS 9

## **2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

Memandangkan Unit Amanah telah menggunakan awal versi MFRS 9 yang terdahulu sebelum 31 Januari 2015, Unit Amanah dibenarkan untuk menggunakan versi MFRS 9 tersebut sehingga tarikh kuatkuasa mandatori IFRS pada 1 Januari 2018. Unit Amanah masih dalam proses mengukur kesan daripada penggunaan versi akhir MFRS 9.

## **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

### **(a) Aset-aset kewangan**

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh jualbeli. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

### **(i) Pengelasan aset kewangan**

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung rugi pada permulaan pengiktirafan):

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan dimana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

#### **(ii) Kos yang dilunaskan dan kaedah kadar faedah berkesan**

Kaedah kadar faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi satu-satu instrumen hutang dan bagi memperuntukan pendapatan faedah bagi satu-satu tempoh. Kadar faedah berkesan adalah kadar yang mengambilkira anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar faedah berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) disepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas faedah berkesan bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan.

#### **(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)**

### 3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung rugi atas penjualan pelaburan tersebut.

Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

#### **(iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi (FVTPL)**

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli dan dipermulaan pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengkelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 118, Revenue, dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.



### **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

#### **(v) Rosotnilai dalam aset kewangan**

